



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 FEBRUARY 2017

Siapa khianat UMNO?

Um - 11/2/2017

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 FEB.

TUN Dr. Mahathir Mohamad tidak sepatutnya melabelkan penyokong UMNO di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pengkhianat sedangkan beliau sendiri telah mengkhianati perjuangan parti semata-mata memenuhi kepentingan peribadi.

Pengarah Strategik Komunikasi Barisan Nasional (BN), **Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan** berkata, bekas Perdana Menteri itu kini sanggup 'tidur sebentar' dengan Lim Kit Siang walaupun Penasihat DAP itu merupakan musuh ketat beliau sejak dahulu hanya kerana mahu menumbangkan kerajaan yang ditunjangi UMNO.

Beliau menjelaskan, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia itu tidak perlu membuat tuduhan kerajaan menghabiskan wang membeli sokongan penyokongnya sedangkan beliau sendiri masih mengunci mulut berhubung dakwaan kerugian Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) melalui kegiatan perdagangan mata wang asing ketika era pentadbirannya.

"Pandangan Dr. Mahathir merupakan satu tanggapan

terdesak kerana beliau sadar sokongan kepada partinya tidak mendapat perhatian rakyat.

"Di bawah pemerintahan Najib terbukti ekonomi telah berkembang pesat. Saiz ekonomi berjumlah RM1.3 trilion dan akan menganjak sehingga RM2 trilion," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



ABDUL RAHMAN



SALLEH SAID KERUAK

Dr. Mahathir Mohamad dalam tulisan di blognya hari ini mengangap penyokong-penyokong UMNO sebagai pengkhianat kepada bangsa Melayu dan negara.

Beliau turut menuduh kerajaan telah menghabiskan wang untuk membeli sokongan penyokong atas slogan 'duit adalah segala-galanya'.

Dalam pada itu Menteri Komunikasi dan Multimedia, **Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak** berkata, tuduhan Dr. Mahathir itu adalah tidak berasas dan merupakan satu penghinaan kepada seluruh ahli UMNO.

"Tuduhan ini melulu dan tidak berasas. Tuduhan bahawa para penyokong UMNO sekarang adalah pengkhianat kepada bangsa Melayu dan negara juga satu penghinaan kepada ahli UMNO keseluruhannya dan tidak boleh diterima.

"Itu jauh daripada realiti dan amalan UMNO. Adakah Dr. Mahathir bermaksud di bawah pimpinannya dahulu ahli UMNO adalah sempurna tanpa cacat cela?" soalnya.